



PERSEBAHAN tradisional daripada para penari Mexico yang meraikan kemenangan apabila piramid di Chichen Itza, di Mexico muncul sebagai salah satu daripada Tujuh Keajaiban Dunia.

Populariti arkitektur dunia

Kosmo 9.7.07 m/s 18

Daripada 77 pencalonan, ia disenarai pendek menjadi 21. Hanya tujuh yang terpilih. Siapakah tujuh pemenang yang diundi oleh penduduk dunia menerusi talian yang diisytiharkan pada 7 Julai lalu?

DUNIA sentiasa berdiri terpegun dengan keindahan seni bina khususnya apabila mengimbu kembali betapa peritnya pembinaan itu tanpa sebarang bantuan jentera atau perkakasan moden yang menjadi kemestian pada hari ini.

Tujuh Keajaiban Dunia (atau Tujuh Keajaiban Purba Dunia) adalah senarai terkemuka tujuh pembinaan manusia yang mempunyai ciri-ciri seni bina yang mempersonakan.

Wujud lebih 2,000 tahun dahulu, daripada Tujuh Keajaiban Dunia Kuno yang telah disenaraikan dengan kesemuanya di benua Mediterranean atau Timur Tengah, hanya satu yang masih berdiri teguh sehingga ke hari ini - Piramid Giza di Mesir.

Enam lagi, Taman Tergantung Babylon di selatan Baghdad, Iraq; Kuil Artemis di Ephesus, Turki; Patung Zeus

di Olympia, Greek; Mausoleum of Maussollos di Halicarnassus, Turki; Colossus of Rhodes, Greek dan Rumah Api Alexandria, Mesir telah termusnah sama ada oleh bencana alam mahupun oleh tindakan manusia.

Pemilihan tujuh seni bina itu dipilih oleh seorang lelaki, yang ramai percaya beliau merupakan penulis Greek abad ke-2 Sebelum Masihi, Antipater of Sidon.

Bersesuaian dengan tarikh simbolik : 7 Julai 2007 (070707), kelmarin Tujuh Keajaiban Dunia Baru telah dipilih oleh hampir 100 juta orang dan pakar-pakar budaya di seluruh dunia dalam apa yang dianggap sebagai undian *online* terbesar di laman web www.new7wonders.com.

Dipaparkan secara langsung dari Stadium Benfica di ibu negara Portugal, Lisbon dalam majlis gilang-gemilang dengan kehadiran bintang-bintang terke-

muka dunia, tujuh keajaiban baru yang diumumkan ialah Tembok Besar China, China; Coliseum di Rom, Itali; Taj Mahal, India yang tersohor sebagai lambang cinta Shah Jehan kepada isterinya, Mumtaz Mahal; peninggalan bandar bersejarah Petra di Jordan; Patung Christ the Redeemer di Rio de Janeiro, Brazil; peninggalan Inca Machu Picchu, Peru dan bandar purba Chichen Itza di Mexico.

Pelakon British, Ben Kingsley dan dari Amerika Syarikat (AS) Hillary Swank menjadi hos majlis yang telah disiarkan di lebih 170 buah negara di seluruh dunia dengan anggaran 1.6 bilion penonton.

Penganjur *The New 7 Wonders of the World* merupakan sebuah yayasan swasta Swiss berkata, pertandingan tersebut merupakan peluang sama rata untuk masyarakat global mengambil


bahagian dalam pemilihan dan mengiktiraf pencapaian masyarakat di luar Eropah dan Timur Tengah.

“Tidak pernah dalam sejarah ramai orang terlibat dalam satu keputusan global,” kata Swank semasa pengumuman tersebut.


Dilancarkan sejak bulan Januari lalu, undian yang dilakukan melalui internet dan telefon membolehkan pengundi memilih antara 21 binaan yang telah disenarai pendek daripada 77 pencalonan oleh sebuah jawatankuasa pakar.

Difahamkan hampir 100 juta undian telah diterima menjelang penutup cabutan undi pada tengah malam Jumaat lalu.

Tewas di antara yang teratas adalah kuil diperbuat daripada marmar - Acropolis, Greece; Menara Eiffel di Paris, Perancis, tinggalan zaman purbakala di Pulau Easter, Chile dan tugu batuan



PEMANDANGAN Moais iaitu batu berapi gergasi di Easter Island, selatan Pasifik yang turut tercalon untuk Tujuh Keajaiban Dunia.



PEMBINAAN Tembok Besar China mengambil masa beratus tahun, bermula dari abad ketujuh.



ANGKASAWAN Amerika Syarikat, Neil Armstrong (tengah) menyerahkan anugerah kepada perwakilan dari China apabila Tembok Besar China terpilih sebagai salah satu daripada Tujuh Keajaiban Dunia.

Kosmo m/s 19
9/7/07

Stonehenge di Britain.

Kempen yang ditaja secara persendirian itu merupakan ilham pembuat filem Swiss yang juga kurator muzium, Bernard Weber, berikutan kemusnahan berhala gergasi Buddha di wilayah Bamiyan, Afghanistan oleh tentera Taliban pada tahun 2001.

Sungguhpun demikian, badan kebudayaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu yang menentukan tapak warisan dunia enggan menyokong acara tersebut. Sehingga kini terdapat 851 monumen yang telah diiktiraf UNESCO.

"Senarai Tujuh Keajaiban Baru Dunia akan menjadi keputusan sebuah inisiatif swasta yang tidak akan menyumbang dalam sebarang cara signifikan atau bertahan terhadap pemeliharaan tapak yang terpilih," kata Pertubuhan Pendidikan, Sainifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) yang berpangkalan di Paris dalam satu kenyataan yang dikeluarkan pada bulan lalu.

Inisiatif tersebut berhasrat mewujudkan semula populariti Tujuh Keajaiban Purba Dunia. Sungguhpun Piramid Giza masih teguh hingga ke hari ini, ia telah dikecualikan daripada menyertai pertandingan yang baru itu.

Statusnya sebagai salah sebuah Tujuh Keajaiban Dunia Purba dipastikan kekal sungguhpun tujuh keajaiban baru diumumkan selepas pihak berkuasa Mesir berangkat dan berkata, ia adalah satu yang mengaibkan sekiranya mereka juga perlu bertanding.

Senarai pendek 21 tapak itu ditentukan oleh sebuah panel yang terdiri daripada arkitek-arkitek terkemuka dunia dan bekas ketua Pengarah UNESCO dari Sepanyol, Prof. Federico Mayor Zaragoza pada bulan Januari 2006.

Turut tersenarai ialah kuil Angkor Wat di Kemboja; istana dan kubu Alhambra,

Sepanyol; bangunan Hagia Sophia di Istanbul, Kuil Kiyomizu, Jepun; Gereja Kremlin dan St. Basil di Moscow, Rusia; Istana Neuschwanstein, selatan Jerman; Statue of Liberty, New York, AS; Sydney Opera House, Australia dan bandar purba Timbuktu yang terletak di Mali.

Coliseum, Tembok Besar, Macchu Picchu, Taj Mahal dan Petra telahpun menjadi pendahulu sejak bulan Januari, sementara Patung Christ the Redeemer menerima lonjakan besar undian baru-baru ini.

Sejak di peringkat awal lagi, Statue of Liberty dan Sydney Opera House berada di senarai terbawah.

Seorang warga Peru yang berpakaian tradisional lengkap memegang anugerah yang dimenangi Macchu Piccu ke langit dan menunduk ke arah orang ramai dengan tangannya dirapatkan. Ini mencetuskan salah satu sorakan paling riang daripada 50,000 penonton di stadium berkenaan.

Sementara itu, ramai mencemooh apabila Statue of Liberty diumumkan sebagai salah satu pencalonan. Portugal dengan jelas membantah pencerobohan Iraq yang diketuai oleh AS.

Antara bintang-bintang dan selebriti yang memeriahkan majlis gilang-gemilang itu termasuk bekas angkasawan, Neil Armstrong, pelakon dan penyanyi, Jennifer Lopez dan Perdana Menteri Portugal, Jose Socrates.

"Ini merupakan kali pertama dalam sejarah di mana seluruh warga dunia boleh mengundi dan menentukan pemenangnya," isytihar Diogo Freitas do Amaral, pengerusi jawatankuasa penganjur.



KUIL Kiyomizu di Kyoto, Jepun tercalon dalam senarai 21 Tujuh Keajaiban Dunia, tetapi tewas.

Tujuh Keajaiban Baru Dunia

■ TEMBOK BESAR CHINA, CHINA

Pembinaannya bermula lebih 2,000 tahun lalu. Tembok sepanjang 6,693 kilometer ini meliputi kawasan dari Lautan Pasifik dan sempadan di Asia Tengah dan merupakan struktur buatan manusia yang terpanjang.

Tembok ini dibina bagi tujuan memberikan perlindungan kepada pelbagai dinasti daripada dijajah oleh tentera Hun, Mongol, Turki dan puak nomad lain.

Pembinaannya mengambil masa beratus tahun, bermula dari abad ketujuh.

Tembok ini telah diklasifikasikan sebagai Tapak Warisan Dunia oleh UNESCO pada tahun 1986.

■ PETRA, JORDAN

Peninggalan berwarna merah jambu yang berabad tahun usianya, Petra, merupakan Tapak Warisan Dunia UNESCO yang terletak 200 kilometer selatan ibu negara Jordan, Amman.

Bandar bersejarah di barat daya Jordan ini dibina di atas teres sekitar Wadi Musa atau Lembah Moses, ibu kota Kerajaan Arab Nabatean yang menetap di kawasan tersebut lebih 2,000 tahun lalu.

Bandar ini terkenal dengan terowong air dan struktur-struktur batu yang diukir termasuk Ad-Dayr, 'biara' yang terdiri kawasan hadapan makan yang tidak lengkap yang digunakan sebagai gereja semasa zaman Byzantin.

Bandar tersebut merupakan hentian laluan perdagangan sutera, rempah dan lain-lain yang menghubungkan China, India dan selatan negara Arab bersama Mesir, Syria, Greece dan Rom.

■ PATUNG CHRIST the REDEEMER RIO de JANEIRO, BRAZIL

Patung Christ the Redeemer setinggi 38 meter dengan tangannya yang berdepa melihat bandar Rio de Janeiro dari puncak bukit Corcovado.

Ia merupakan simbol Brazil. Dihasilkan oleh pengukir Polish-Perancis, Paul Landowski, patung yang melebihi berat 1,000 tan itu dibina sedikit demi sedikit di Perancis bermula tahun 1926 dan kemudiannya dipindahkan ke Brazil.


Sebuah landasan kereta api membawa patung itu menaiki bukit setinggi 710 meter untuk pembukaannya pada tahun 1931.

Patung itu merupakan tarikan pelancongan terbesar Rio dengan kunjungan 1.8 juta pelancong setahun.

■ MACHU PICCHU, PERU

Dibina oleh Empayar Inca pada kurun ke-15, dinding, istana dan kuil Machu Picchu ini terletak 8,000 meter dari paras laut di pergunungan Andes yang melihat lembah menghijau 500 kilometer tenggara Lima.

Tempat perlindungan terakhir empayar tersebut daripada penaklukan Sepanyol boleh dilihat di laman web www.machupicchu360.com, yang bertindak sebagai langkah pertama perjalanan ke bandar purba itu.



Penakluk Sepanyol tidak pernah menjumpai bandar menakjubkan itu dan dianggap hilang sehingga ahli arkeologi Amerika, Hiram Bingham, tiba pada tahun 1911.

■ PIRAMID CHICHEN ITZA, MEXICO

Chichen Itza merupakan bandar praColombia yang menggabungkan seni Maya dan Toltec, dibina sekitar 500 Masihi di utara Semenanjung Yutacan di Mexico.

Ia dibina berdasarkan kalendar solar, di mana bayang-bayang pada ekuinoks musim luruh dan bunga dikatakan seperti seekor ular menjalar di sepanjang tangga piramid, sama seperti ukiran ular di bahagian atasnya.

Empat tangga yang terdiri daripada 91 anak tangga membawa kepada sebuah platform, menjadikan 365 aras untuk 365 hari setahun.

Selain piramid, sebuah observatori astronomi dan kuil pahlawan, yang membawa semula penaklukan Yutacan oleh kumpulan Toltec dari Tengah Mexico, merupakan bangunan-bangunan yang mengagumkan.

■ COLISEUM ROM, ITALI

Coliseum yang merupakan simbol bandar Rom, telah dibina hampir 2,000 tahun lalu semasa Empayar Roman.

Amfiteater gergasi ini dirasmikan pada 80 Masihi oleh Maharaja Titus dalam sebuah upacara sukan yang diadakan selama 100 hari. Mempunyai kapasiti tempat duduk sebanyak 50,000 orang, arena ini memberi pengaruh pembinaan stadium sukan moden.

Arena ini merupakan medan di mana ribuan galdiator bertarung sehingga mati dan mereka beragama Kristian diberi makan kepada singa.

■ TAJ MAHAL, INDIA

Taj Mahal yang dibina di Agra, negeri Uttar Pradesh pada kurun ke-17 oleh Raja Shan Jahan sebagai makam isterinya, Mumtaz Mahal, yang meninggal dunia sewaktu melahirkan anak mereka ke-14.

Kompleks yang diperbuat daripada marmar putih itu merupakan contoh terbaik seni bina Mughal yang menggabungkan stail rekaan India, Parsi dan Islam.